

KRISMAS DI PARIS DAN  
KRISMAS DI KUALA LUMPUR

MCA DAN MIC: MENGAPA  
MENGHARAPKAN 'SUBSID' UMNO?

JANUARI 1991

# DEWAN MASYARAKAT



TOKOH  
1990

Tan Sri Datuk

# ELYAS OMAR

Datuk Bandar Kuala Lumpur

TOKOH 1990

# Tan Sri Dato' ELYAS OMAR Datuk Bandar Kuala Lumpur

Impiannya menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur  
sebagai bandaraya contoh abad ke-21

Oleh CHE MAHZAN AHMAD  
dengan kerjasama NOOR KHAIRIYATI MOHD. ALI,  
ZAHIDAN ABD. AZIZ, NORLIA MOHAMED dan ZAITON NASIR

Banyak orang berkata beliau seorang yang keras serta tegas dalam kerja-kerjanya dan dianggap seorang yang mabuk kerja. Memang. Akan tetapi begitulah prinsipnya tentang kerja. "Kita bekerja dengan kerajaan bukan hanya untuk cari makan tetapi juga berkhidmat untuk negara. Apabila saya dilantik ke satu jawatan, saya bertanggungjawab untuk tidak mengecewakan kerajaan. Umpama seorang perenang, sekali berada dalam air, dia akan berenang dan terus berenang. Sekiranya dia berhenti dan bertanya mengapa dia harus berenang, dia tidak mempunyai masa untuk berenang dan berenang dengan baik."

Tan Sri Dato' Elyas memang gemar *think big* dalam setiap kerjanya. Dahulu semasa di Institut Tadbiran Negara, beliau mengangkat citra institut berkenaan hingga ke luar antarabangsa. Malah berdasarkan laporannya tentang perlunya latihan bagi pembangunan negaralah yang membawa reformasi dalam perkhidmatan awam sekarang. Sejak menjadi Datuk Bandar pula, nama beliau sinonim dengan bandaraya KL.

Gemerlangnya bintang Tan Sri Dato' Elyas menyebabkan banyak pihak berpendapat beliaulah bakal Ketua Setiausaha Negara.

"Semua anggota kerajaan mahu menjadi KSN. Jangan fikirkan saya sebagai dewa. Memanglah tanggungjawab terhadap negara membuat saya bekerja keras. Sekiranya saya ingin gaji besar dengan segera, saya patut meletakkan jawatan dan masuk sektor swasta."